



**MAJLIS DAERAH PEKAN
(IKLAN JAWATAN KOSONG)**

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Pahang Darul Makmur yang berkelayakan sahaja bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Daerah Pekan

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI	TARAF JAWATAN
1	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29	Pentadbiran & Sokongan	`Contract For Service' (Cfs)
2	Penolong Pegawai Penilaian GredW29	Kewangan	`Contract For Service' (Cfs)
3	Penolong Juruukur Bahan Gred J29	Kejuruteraan	`Contract For Service' (Cfs)
4	Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19	Pentadbiran & Sokongan	`Contract For Service' (Cfs)
5	Pembantu Penilaian Gred W19	Kewangan	`Contract For Service' (Cfs)
6	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi Gred N19)	Pentadbiran & Sokongan	`Contract For Service' (Cfs)
7	Penolong Arkitek Landskap Gred J29	Kejuruteraan	Pekerja Sambilan Harian (PSH)
8	Juruteknik Komputer Gred JTK19	Sistem Maklumat	Pekerja Sambilan Harian (PSH)
9	Pereka Gred B19	Bakat dan Seni	Pekerja Sambilan Harian (PSH)
10	Pembantu Operasi Letak Kereta Gred N19	Pentadbiran & Sokongan	Pekerja Sambilan Harian (PSH)

1. CARA MEMOHON:

- a. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan boleh muatun di laman web Majlis Daerah Pekan iaitu https://www.mdpekan.gov.my/sites/default/files/borang_permohonan_jawatan_2.pdf

- b. Borang permohonan jawatan hendaklah diisi dengan selengkapnya dengan disertakan resume bersama salinan sijil/dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
- i) Salinan Kad Pengenalan (depan dan belakang)
 - ii) Sijil kelahiran
 - iii) Sijil Berhenti Sekolah
 - iv) Sijil-sijil Akademik (Sijil PMR/SPM/atau kelayakan yang setaraf dengannya dalam bidang yang berkaitan)
 - v) Sijil kegiatan luar (jika ada)
 - vi) Lain-lain dokumen sokongan
 - vii) Gambar berukuran pasport
- c. Pemohon juga dikehendaki membawa dokumen-dokumen ASAL semasa menghadiri temuduga tersebut.
- d. Sila tulis '**nama jawatan**' disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.
- e. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DI PERTUA
MAJLIS DAERAH PEKAN
JALAN MAHKOTA
26600 PEKAN BANDAR DIRAJA
PAHANG DARUL MAKMUR
(U.P: JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 24 DIS 2021 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAHARI

2. MAKLUMAT AM

- a) Permohonan berikut **AKAN DITOLAK** sekiranya:
- i) **Tidak mengguna Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Pekan**
 - ii) **Tidak menyertakan salinan dokumen/sijil yang disyaratkan**

- iii) Menyertakan salinan dokumen/sijil yang tidak dibuat pengesahan
- iv) Borang permohonan tidak diisi dengan lengkap dan tulisan tidak terang/jelas
- v) Memohon jawatan yang tidak diiklankan
- vi) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
- vii) Borang permohonan tidak ditandatangani
- viii) Borang permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan

DAN

- b) Hanya calon yang layak akan dipanggil untuk ditemuduga
- c) Segala perbelanjaan berhubungan permohonan ini dan bagi menghadiri temuduga sekiranya dipilih tidak akan ditanggung oleh Majlis Daerah Pekan.
- d) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- e) Sila ambil maklum pengambilan bagi jawatan Contract For Services (CFS) dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) **bukan suatu jaminan untuk diserap sebagai pegawai lantikan tetap.**

SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN :

a) Penolong Pegawai Tadbir - N29

Kumpulan : Pelaksana

Syarat Iantikan :

- Warganegara Malaysia
- berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; [Gaji Permulaan: RM1,493.00]

Atau

- Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
[Gaji Permulaan: RM1,493.00]

Atau

- Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
[Gaji Permulaan: RM1,493.00]

Atau

- Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
[Gaji Permulaan: RM1,770.95]
- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan Penguatkuasaan undang-undang.

b) Penolong Pegawai Penilaian - W29

Kumpulan : Pelaksana

Syarat Iantikan :

- Warganegara Malaysia
- berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,510.92]

Atau

- Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,510.92]

Atau

- Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,851.28]

- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas:

Menjalankan kerja-kerja penilaian harta bagi maksud kadaran dan insuran untuk semua pegangan dan harta di dalam kawasan dan milik Majlis Daerah Pekan, menambah dan memperbanyakkan bilangan harta-harta baru yang baru dikenakan cukai selaras kawasan pentadbiran MDP yang meliputi seluruh daerah Pekan kecuali hutan simpan serta mengurus dan menyelia harta-harta milik MDP termasuk projek-projek penswastaaan dibawah Unit pelaburan dan penswastaaan . Memungut butir-butir mengenai jual beli harta, sewaan, hak milik tanah, mengira keluasan tanah, menganalisis butir-butir jual beli, mengawas dan melaksanakan urusan latihan dan pengurusan pentadbiran yang berkaitan.

c) Penolong Juruukur Bahan - JA29

Kumpulan : Pelaksana

Syarat lantikan :

- Warganegara Malaysia
- berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,549.00]

Atau

- Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,935.02]
- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab mengendali pelaksanaan skop kerja ukur bahan berhubung pentadbiran kontrak termasuk menyediakan anggaran kos awal, membuat pengukuran kuantiti (taking off), menyediakan dokumen tender dan kontrak, menyedia perakuan bayaran interim, menyedia arahan perubahan kerja, perakuan akaun dan bayaran muktamad, mengemas kini sijil-sijil dan perakuan yang berkaitan dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

d) Pembantu Setiausaha Pejabat - N19

Kumpulan : Pelaksana

Syarat Iantikan :

- Warganegara Malaysia
- berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,352.00]

Atau

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,408.40]

Atau

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,464.40]
- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di pejabat Atasan/ pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail. Di samping itu, memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.

e) Pembantu Penilaian - W19

Kumpulan : Pelaksana

Syarat Iantikan :

- Warganegara Malaysia

- berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek matematik pada peringkat peperiksaan tersebut.
[Gaji Permulaan: RM1,363.00]

Atau

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,409.40]

Atau

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,465.80]
- Memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
-

Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab menerima arahan dan menjalankan penilaian harta tanah dan pentadbiran, menjalankan latihan dan penyelidikan, mendapatkan kelulusan terhadap nilai yang melebihi kuasa untuk melaporkannya dan lain-lain kelulusan terhadap perkara dinyatakan di atas.

f) **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) - N19**

Kumpulan : Pelaksana

Syarat Iantikan :

- Warganegara Malaysia
- berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan .
[Gaji Permulaan: RM1,352.00]

Atau

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,408.40]

Atau

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan: RM1,464.80]
- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

g) Juruteknik Komputer - FT19

Taraf Jawatan : Pekerja Sambilan Harian (PSH)
Kadar Upah : RM 54.00 sehari

Syarat Iantikan :

- Warganegara Malaysia
- berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Atau

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Atau

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

- Memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf denganya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas merangkumi penyelenggaraan sistem komputer seperti penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kelengkapan IT serta tugas-tugas penyelenggaraan aplikasi pengkomputeran dan operasi sistem dalam sesebuah organisasi.

h) Penolong Arkitek Landskap- JA 29

Taraf Jawatan : Pekerja Sambilan Harian (PSH)
Kadar Upah : RM 72.00 sehari

Syarat lantikan :

- Warganegara Malaysia
- berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- Sijil dalam bidang teknologi landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)

Atau

- Sijil dalam bidang perancang Bandar, kejuruteraan awam (seni bina) atau seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)

Atau

- Diploma dalam bidang senibina landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas:

- o Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja lapangan, surihan, penyediaan lukisan ilustrasi, penyediaan pelan dan dokumentasi, pemantauan, pemuliharaan landskap, penyelidikan dan pengurusan.
- o Melaksanakan kerja-kerja pengumpulan maklumat untuk perancangan dan reka bentuk projek pembangunan landskap.
- o Menyediakan cadangan reka bentuk, pelan-pelan konsep dan laporan cadangan kos projek-projek pembangunan landskap.
- o Melaksanakan pembinaan projek pembangunan landskap dan menyediakan program pembangunan rekreasi.
- o Melaksanakan kerja-kerja pemantauan penggunaan dan penguatkuasaan dasar, akta, garis panduan dan peraturan berhubung dengan landskap.

i) Pereka - B19

Taraf Jawatan : Pekerja Sambilan Harian (PSH)
Kadar Upah : RM 54.00 sehari

Syarat Iantikan :

- Warganegara Malaysia
- berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

- Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Malaysia dengan memuaskan.

Atau

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.

Atau

- Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
-
- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja rekabentuk grafik dan multimedia, pameran dan publisiti luar ke atas kempen2 Majlis Daerah Pekan dalam bentuk visual dan paparan bagi kerja yang berkaitan dengan seni. Bertanggungjawab juga dalam menyelaraskan, merancang, menyediakan reka bentuk bahan2 penerbitan seperti buletin MDP, Backdrop dll.

**j) Pembantu Operasi - N19
Letak Kereta
(Lelaki Sahaja)**

Taraf Jawatan : Pekerja Sambilan Harian (PSH)
Kadar Upah : RM 54.00 sehari

Syarat Iantikan :

- Warganegara Malaysia
- berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh kerajaan dan
- memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P))
- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat-Syarat Tambahan

- i) Sanggup bekerja lebih masa dan tugas-tugas shif;
- ii) Tempoh bekerja 6 hari seminggu (termasuk hari Sabtu dan Ahad);
- iii) Bertanggungjawab, berdedikasi dan berkemampuan bekerja di bawah tekanan.